

RENCANA



Ruang pentas utama sesak dengan kehadiran JKKK dan pengunjung.

Ekspo Muafakat Kedah tawar pelbagai hadiah kepada pengunjung

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Sepanjang seminggu Ekspo Muafakat Kedah berlangsung, rakyat Kedah dilimpahi pelbagai rezeki yang disediakan di tapak pameran termasuk beberapa pengumuman Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Antaranya, sumbangan RM45,000 kepada Kelab Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Kedah, di mana kesemua 15 kelab menerima

sumbangan RM3,000. Sumbangan ini diharap dapat menyuntik semangat kepada kelab menggiatkan lagi aktiviti yang dapat menjamin kebajikan dan kesejahteraan ahlinya.

Turut diadakan majlis penyerahan Mobilepreneur@KKLW Zon Utara dan majlis penyampaian elaun serta bayaran khas 'one off' Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kedah.

Rakyat Kedah juga masih berpeluang menyertai acara cabutan bertuah pada hari terakhir (3 Mac), untuk merebut hadiah lumayan.

Kerajaan negeri menawarkan dua unit rumah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bernilai lebih RM100,000 kepada pengunjung, selain 100 hadiah bernilai lebih RM1 juta yang ditawarkan sepanjang ekspo

berlangsung.

Hadiah utama lain termasuk tiga kereta, jenama Haval, Perodua Bezza dan Myvi serta lima motosikal Modenas.

Hadiah utama yang ditawarkan adalah cetusan Ahmad Bashah yang mahu memberi kelainan kepada ekspo terbesar yang pernah dianjurkan kerajaan negeri ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka hadir menyampaikan hadiah kepada pengunjung bertuah pada majlis penutup.

Ekspo turut disenikan dengan kunjungan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar yang berada di Kedah meninjau Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sungai Petani dan Alor Setar.



Pendaftaran JKKK pada majlis penyerahan elaun serta bayaran khas 'one off' oleh Ahmad Bashah.



Pelajar sekolah turut tidak ketinggalan melakukan pelbagai aktiviti menarik yang disediakan.



Kaki tangan Jabatan Perumahan Negeri Kedah bergambar kenangan bersama Noh dan Ahmad Bashah.



Persatuan Mahasiswa Anak Kedah Universiti Utara Malaysia (Makda) meluangkan masa mengunjungi kluster Pameran Di Raja.



Kluster Suara Hati rakyat Kedah antara yang mendapat sambutan pengunjung.



Acara cabutan bertuah yang berlangsung setiap hari.



Noh (lima, kanan) dan Ahmad Bashah (empat, kanan) menyerahkan replika cek kepada Sahabat AIM Negeri Kedah berjumlah RM 328 juta.